

INTEGRASI WAKAF DAN IJARAH: ALTERNATIF DALAM KELESTARIAN SEKOLAH TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA

*Integration of Waqf and Ijarah: Alternative In sustainable The Private Tahfiz
Schools in Malaysia*

**Noor Syahidah Mohamad Akhir^{1*}
Sakinatul Raadiyah Abdullah²
Asmadi Mohammed Ghazali³
Azrul Shahimy Mohd Yusof⁴
Rohayati Hussin⁵**

^{1,2}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kedah

³Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kedah

⁴Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kedah

⁵Fakulti Undang-undang, UiTM Kedah

*Corresponding author (Email: noorsyahidah9177@uitm.edu.my)

Diterima: 5 Mac 2020, Diproses: 27 April 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

Abstrak: Permintaan tinggi daripada masyarakat untuk menceburi bidang pengajian Tahfiz menjadi faktor peningkatan jumlah Sekolah Tahfiz Swasta (STS) setiap tahun di Malaysia. Kebanyakan daripada STS ini dibangunkan daripada pelbagai sumber antaranya modal persendirian, badan bukan kerajaan, bantuan masyarakat yang berupa sedekah dan wakaf. Permasalahannya sejauhmanakah institusi ini dapat memastikan kelestariannya dari segi pembiayaan kos pengurusan yang semakin meningkat. Kertas kerja ini akan melihat permasalahan STS dari segi kewangan, mencadangkan instrumen *ijarah* (sewaan) khususnya kepada STS yang kebanyakannya didirikan dengan dana wakaf. Kertas kerja ini merupakan kertas konseptual yang menggunakan kutipan data perpustakaan. Hasil kertas kerja ini akan memaparkan satu cadangan alternatif dalam mengembangkan hasil wakaf melalui kaedah *ijarah* yang telah diaplikasikan oleh badan tertentu di Malaysia. Kaedah tersebut dilihat bermanfaat dan boleh digunapakai dalam kelestarian STS di Malaysia.

Kata Kunci: *Alternatif, Ijarah, Kelestarian, Sekolah Tahfiz Swasta, Wakaf*

Abstract: *The high demand from the community to venture into the field of Tahfiz studies is a factor in increasing the number of Private Tahfiz Schools (STS) every year in Malaysia. Most of these STS are developed from various sources including private capital, non-governmental organizations, community assistance in the form of alms and endowments. The problem is to what extent this institution can ensure its sustainability in terms of increasing management cost financing. This paper will look at the problems of STS financially, proposing ijarah (rental) instruments especially to STS which are mostly set up with waqf funds. This paper is a conceptual paper that uses library data collection. The results of this paper will display an alternative proposal in developing waqf revenue through ijarah method that has been applied by certain bodies in Malaysia. The method is seen as beneficial and can be used in the sustainability of STS in Malaysia.*

Keywords: *Alternative, Ijarah, Sustainable, Private Tahfiz Schools, Waqf*

PENGENALAN

Kajian menunjukkan jumlah pertumbuhan Sekolah Tahfiz Swasta (STS) di Malaysia semakin meningkat rentetan permintaan tinggi daripada masyarakat. Walau bagaimanapun, STS menghadapi cabaran dalam memastikan kelestariannya terus utuh khususnya dari segi pembiayaan kewangan yang semakin tinggi setiap tahun. Kewangan yang stabil akan membantu dari segi tadbir urus, pengurusan, fasiliti, dan tenaga pengajar seterusnya kelestarian STS dapat dipertahankan.

Pengaplikasian instrumen wakaf sebagai mekanisma yang sesuai untuk perkembangan STS di Malaysia dilihat satu yang relevan untuk dibincangkan dalam kajian ini memandangkan kebanyakan STS didirikan dengan kaedah wakaf. Melihat kembali sejarah penubuhan institusi pendidikan dalam Islam juga menerusi kaedah wakaf mampu melahirkan cerdik pandai dan kelestariannya terus utuh sehingga kini seperti Universiti al-Azhar (969M), Universiti Cardova (971), Bait al-Hikmah (975M) dan juga institusi di Nusantara (Siti Mashitoh et.al, 2018).

Pengembangan harta wakaf adalah perlu untuk mendapat manfaat daripada hasil wakaf. Justeru, kertas kerja ini melihat wakaf dengan mengaplikasikan kaedah akad *ijarah*¹ (sewaan) sebagai satu kaedah yang boleh mengembangkan harta wakaf itu sendiri seterusnya bermanfaat dalam pembiayaan pembangunan STS di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini adalah kertas konseptual. Metodologi kajian adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Tinjauan literatur dibuat dengan mengumpul data daripada pelbagai dokumentasi antaranya tesis, artikel jurnal, prosiding dan buku berhubung wakaf, *ijarah* dan STS di Malaysia. Dengan kutipan literatur dapat menguatkan perbincangan yang diketengahkan dalam kertas kerja ini.

DAPATAN

Sekolah Tahfiz di Malaysia

Islamisasi masyarakat Melayu di Nusantara menjadi pemangkin dalam arena pendidikan awal negara. Perkembangan dan penyebaran ilmu membuktikan tahap perkembangan kemajuan masyarakat dan kesedaran sosial (Tatiana A.Denisova, 2011). Bermula dengan kewujudan sistem tulisan Jawi dan bacaan al-Quran, masyarakat Melayu telah mula celik huruf (Wan Ali Wan Mamat, 2006). Pada peringkat awal, pengajian al-Quran diajarkan di rumah persendirian untuk menyebarkan ilmu agama. Pengajian ini berkembang dan diajarkan pula di surau, masjid dan istana (Abd Rahman Abd Ghani et.al, 2010). Ia berkembang sebagai institusi pondok dan madrasah yang didirikan di tanah persendirian dan tanah wakaf (Solahudin Ismail, 2018). Hasil dana sedekah dan wakaf institusi ini mampu berkembang dan bertahan sehingga kini. Seiring dengan perkembangannya, kerajaan mengambil inisiatif dengan meletakkan pendidikan Tahfiz di Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1966. Pada tahun 1984, salah satu jabatan di Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri telah diperkembangkan lagi dan dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTQ). MTQ ini kemudian dinaik taraf sebagai institut

¹ *Ijarah* merujuk kepada perjanjian sewa (pajak) antara dua pihak iaitu institusi wakaf (MAIN) memajakkan tanah kepada kepada pihak lain (kontraktor/pemaju) pada kadar dan tempoh sewa yang telah dipersetujui (Amir Bahari, 2014).

dan akhirnya berkembang sebagai Darul Quran yang menawarkan sijil Diploma Tahfiz al-Quran (Muriyah Abdullah, 2015).

Di Malaysia, pengajian tahfiz bukan sahaja mendapat tempat diperingkat pengajian tinggi semata-mata sebaliknya di peringkat sekolah lagi. Terdapat dua jenis pemilikan sekolah Tahfiz iaitu i) Pemilikan oleh kerajaan, ii) Pemilikan swasta. Sekolah Tahfiz kerajaan (STK) dibiayai dan diuruskan oleh kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan negeri. Manakala STS diuruskan oleh individu, organisasi atau badan korporat (Khairunisa, 2017). STS pula terdapat dua jenis sama ada berdaftar dan tidak berdaftar. Kebiasaan STS yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan dipantau dan disalurkan dana bantuan kerajaan mengikut peruntukan belanjawan negara setiap tahun. Peruntukan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM50 juta untuk STK dan STS yang berdaftar.



(Sumber : Belanjawan 2020, Kementerian Kewangan Malaysia)

Rajah 1. Agihan Peruntukan Belanjawan 2020 Sekolah Agama di Malaysia

Peruntukan dengan jumlah yang sama juga diberikan pada tahun 2019 (Belanjawan Negara 2019). Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut dilihat tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah sekolah Tahfiz (ST) khususnya STS berdaftar yang sentiasa meningkat setiap tahun. Peningkatan jumlah STS setiap tahun menunjukkan permintaan tinggi daripada masyarakat sedangkan jumlah STK tidak begitu banyak dan tidak melibatkan kebanyakan negeri di Malaysia.

Jadual 1. Statistik Sekolah Tahfiz Swasta Berdaftar di Malaysia

| NEGERI | 2018 | 2019 |
|-----------------|------------|-------|
| Johor | 116 | 135 |
| Kedah | 66 | 75 |
| Kelantan | 50 | 56 |
| Melaka | 55 | 61 |
| Negeri Sembilan | 24 | 41 |
| Pahang | 41 | 46 |
| Pulau Pinang | 26 | 27 |
| Perak | 66 | 77 |
| Perlis | 10 | 11 |
| Selangor | 307 | 377 |
| Sabah | 24 | 42 |
| Sarawak | 12 | 24 |
| Terengganu | Tiada data | 26 |
| Wp Kuala Lumpur | 15 | 25 |
| Wp Labuan | 2 | 2 |
| Wp Putrajaya | 1 | 1 |
| Jumlah | 815 | 1,026 |

(Sumber: Statistik 2019 Kelas al-Quran & Fardu Ain dan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan, JAKIM)

Berdasarkan jadual di atas, STS berdaftar pada tahun 2018 adalah sebanyak 815 buah dan meningkat pada tahun 2019 dengan jumlah 1,026 buah dengan melibatkan 58,707 orang pelajar dan 6,293 orang tenaga pengajar. Jumlah STK pada tahun 2019 pula adalah sebanyak 20 buah sekolah di beberapa negeri di Malaysia dengan jumlah 4,474 orang pelajar dan 710 orang tenaga pengajar (Statistik 2019 JAKIM). Jumlah STK yang terhad untuk menampung permintaan tinggi daripada masyarakat menjadikan salah satu faktor pertambahan STS setiap tahun di Malaysia (Noor Hisham Md Nawi et.al, 2014). Hasil soal selidik yang dibuat di STS mendapati 52.3% adalah disebabkan sokongan ibubapa, 42.2% minat diri sendiri dan 1.9% adalah tidak berminat (Farah Ilyani Zakaria, 2018).

Peningkatan jumlah STS dan tiada pertambahan peruntukan kerajaan dilihat suatu kekangan dalam memastikan kelestarian STS di masa hadapan. Kajian terhadap pengurus dan mudir STS di Selangor mendapati bahawa antara permasalahan yang dihadapi mereka ialah kewangan yang tidak mencukupi selain dari masalah prasarana, prosedur pengajaran dan kaedah pembelajaran. Para pengurus dan mudir STS berpendapat bahawa mereka perlu menghadapi masalah kewangan yang agak besar disebabkan sumber kewangan dari yuran pelajar, derma orang ramai, sumbangan organisasi dan sebagainya tidak mencukupi untuk menampung kos pengurusan STS. Hasil kajian menunjukkan bahawa sumbangan terbesar dalam pembinaan institusi adalah hasil derma masyarakat iaitu melibatkan 19 buah institusi (42.2%) diikuti oleh dana modal persendirian melibatkan sebanyak 13 buah institusi (28.9%), 8 buah institusi (17.7%) adalah dari sumber wakaf dan 5 buah institusi (11.2%) mendapat bantuan daripada organisasi tertentu (Abd Rahman Abd Ghani, 2010).

Kekangan kewangan pasti menjejaskan pengurusan seterusnya menjejaskan kualiti pendidikan pelajar tahfiz (Mardhiah Yahaya et al, 2018). Masalah kurangnya sumber kewangan akan menjadi lebih serius di era teknologi masa kini. Pentadbir dan guru perlu

menguasai teknologi agar pengurusan dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi lebih mudah dan berkesan. Ia sudah tentu meningkatkan kos pentadbiran, peralatan dan latihan yang menjadi beban tanggungan STS (Solahuddin Ismail, 2016). Di samping itu, kewangan yang stabil juga diperlukan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang harmonis dan sesuai untuk proses hafazan (Abdul Hafiz Abdullah et. al, 2003).

Untuk mendapatkan keselesaan dan memastikan kelestarian sesebuah institusi dalam keadaan ekonomi yang mencabar, adalah perlu untuk difikirkan alternatif untuk menghadapi situasi semasa. Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, kerajaan menyarankan agar institusi pengajian mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan potensi urus tadbir di institusi masing-masing. Institusi perlu beranjak dari sistem yang sangat bergantung kepada sumber kerajaan kepada keberhasilan seluruh pihak dan mereka disarankan untuk mencari alternatif yang terbaik sebagai sumber dana tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia). Kebergantungan dana kewangan kepada kerajaan boleh dikurangkan memandangkan kerajaan juga mempunyai keterbatasan untuk terus menyalurkan dana kewangan rentetan keadaan ekonomi semasa ('Ainul Fathiyah Abd Rahim, et.al, 2015). Dapat dirumuskan:

- i) Saranan kerajaan untuk proaktif dalam mencari dana.
- ii) Permintaan tinggi daripada masyarakat.
- iii) Pertambahan STS di Malaysia.
- iv) Masalah pembiayaan kewangan

Hasil daripada masalah yang dikenalpasti, mekanisma yang dilihat dapat memberi manfaat kepada STS di Malaysia dari segi penjana kewangan adalah dengan mengaplikasikan wakaf dan *ijarah*.

Alternatif Wakaf dan *Ijarah* Dalam Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta

Sebuah model yang lengkap dan jelas perlu diwujudkan dalam memperkukuhkan sumber kewangan dalam memastikan institusi Tahfiz dapat bergerak dengan lancar (Mardhiah yahaya et al, 2018). Integrasi wakaf dan *ijarah* dilihat sebagai satu alternatif berkesan untuk kelestarian STS memandangkan kebanyakan institusi ini didirikan dengan dana wakaf.

Wakaf merupakan sumbangan kekal yang mampu menjadi satu instrumen penting untuk pembangunan institusi pendidikan samada di peringkat tinggi atau rendah. Pendekatan ini terbukti berdasarkan kajian yang dijalankan oleh para sarjana tempatan dan luar negara. Kajian yang dijalankan oleh (Farahdina, 2019; Sakinatul Raadiyah, 2018; Surita Hartini, 2018 & Hasan Asya'ari, 2016) bersetuju bahawa wakaf berpotensi tinggi untuk membangunkan ekonomi ummah khususnya dalam bidang pendidikan.

Hasil tinjauan literatur mendapati salah satu kaedah untuk mengembangkan harta wakaf adalah dengan menggunakan instrumen *ijarah*. Kaedah *ijarah* dilihat sesuai untuk menyelesaikan masalah kekangan kewangan pelbagai institusi pendidikan termasuk STS di Malaysia. Contohnya, di Indonesia, kebanyakan pondok (pesantren) memajukan institusi mereka dengan mengembangkan harta wakaf melalui kaedah pembiayaan *ijarah*. Hal ini dilihat melalui Pesantren Walisongo Ngabar (Anita, 2015) dan Pesantren Miftahul Ulum al-Yasari (Hasan Asya'ari, 2016) yang menggunakan pendekatan menyewakan bangunan seperti kedai,

bilik mesyuarat, ruang parkir dan sewaan premis dalam usaha menjana pendapatan bagi urusan pesantren. Di Malaysia, terdapat juga STS yang mengaplikasikan kaedah yang sama dan kelestariaannya agak memberangsangkan. Antaranya adalah Yayasan an-Nahdhoh Pulau Pinang yang memiliki hotel dan kompleks sendiri untuk di sewakan dan hasilnya untuk kelestarian STS tersebut (Farahdina Fazial, 2015).

Pendekatan *ijarah* merupakan pendekatan pembiayaan di mana akad *ijarah* dilakukan dengan proses pajakan dan kaedah ini dilihat sebagai alternatif terbaik dalam usaha untuk mengembangkan serta menginovasikan tanah wakaf. Menurut Khalil, Ali, & Shaiban (2014) *ijarah* adalah salah satu alat kewangan Islam paling fleksibel yang boleh digunakan untuk pelaburan hartanah wakaf. Justeru itu, dalam konteks STS di Malaysia, pendekatan kaedah pembiayaan ini dilihat sesuai dan relevan digunakan bersesuaian dengan kondisi semasa hari ini yang menampakkan pertumbuhan STS semakin bertambah selaras permintaan masyarakat Islam khususnya yang ingin menimba ilmu Islam secara lebih konsisten dan bersistematik.

Cadangan alternatif dalam melestarikan pembangunan STS di Malaysia melalui instrumen wakaf dan *ijarah* adalah dengan melihat contoh model pelaksanaan pembiayaan pembangunan tanah wakaf yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memajukan hartanah wakaf. Dalam usaha ini, contoh pelaksanaan yang digunakan adalah melalui projek pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah. Model ini dijadikan rujukan memandangkan usaha ini telah terbukti berjaya dilaksanakan. Usaha ini bermula di mana pihak MAINPP telah mementerai satu perjanjian usaha sama di antara MAINPP dengan UDA Holding Bhd. pada 12 Ogos 2007. Berdasarkan perjanjian, UDA Land akan membangunkan 76 unit Rumah Teres 2 tingkat dan 9 unit kedai Pejabat 3 tingkat dengan kos pembangunan kasar RM24.09 juta (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018) Oleh hal demikian, dalam merealisasikan pembangunan tersebut, MAINPP sebagai *mutawalli*² bertindak sebagai pemberi modal dalam bentuk tanah wakaf kepada rakan kongsi iaitu UDA Land untuk dibangunkan. UDA Land selaku pemaju akan menyediakan modal dalam bentuk pembiayaan kewangan (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018).


Selanjutnya, dalam proses mendapatkan pembiayaan, UDA Land telah menandatangani perjanjian dengan pihak ketiga iaitu al-Rajhi Bank. Setelah projek siap, UDA Land akan menyerahkan kepada MAINPP secara percuma 9 unit kedai daripada bangunan pejabat 3 tingkat, manakala 76 unit rumah 2 tingkat akan dijual menggunakan kaedah pajakan 99 tahun menerusi Borang 15A KTN (tiada akad jual-beli) (Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman, 2012; Zakaria Bahari & Fakhruddin Abd Rahman, 2012).

Dalam proses pembelian dan penjualan rumah bagi projek perumahan yang telah dibangunkan di tanah wakaf ini, konsep *tawarruq*³ turut diaplikasikan di mana pihak bank iaitu

² *Mutawalli* adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf dan bergantung kepada ketetapan pewakaf pada surat ikatan wakaf (Razali Othman, 2013). *Mutawalli* juga boleh merujuk kepada sesuatu badan atau institusi pelaksana wakaf yang diiktiraf oleh pemerintah. Pelantikan *mutawalli* dibuat sama ada oleh pewakaf sendiri bagi wakaf khas mahupun pihak berkuasa jika wakaf am (Razali Othman, 2013). *Mutawalli* juga dikenali sebagai nazir. Nazir Khas merupakan *mutawalli* yang dilantik sendiri oleh pewakaf. Di Malaysia, pihak berkuasa yang berperanan sebagai *mutawalli* adalah MAIN. Dalam konteks ini, MAIN sebagai *mutawalli* perlu teliti dalam melaksanakan hasrat pewakaf kerana berdepan dengan kepentingan dan hak masyarakat (Siti Mashitoh Mahamood, 2006).

³ *Tawarruq* adalah satu perjanjian pembelian dan penjualan yang membolehkan pembiayaan disalurkan kepada pembeli. Pihak yang terlibat adalah antara pembeli, Bursa Malaysia dan Al-Rajhi Bank. Pembeli bersetuju membayar pajakan kepada MAINPP. Pembiayaan bagi pajakan hartanah tersebut dibiayai oleh bank. Bagi memastikan pembeli dapat membayar pajakan tanah, bank telah membeli kelapa sawit dari pasaran komoditi dan

Bank Islam Berhad akan menguruskan perkara berkaitan penjualan dan pembelian rumah teres secara pajakan (*lease*) terhadap pembeli rumah dengan mengaplikasikan konsep *ijarah* selama 99 tahun (Zakaria Bahari & Fakhrudin Abd Rahman, 2012). Secara lebih terperinci, susur galur pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah ini dapat dirujuk melalui Rajah 2.



(Sumber: Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018)

Rajah 2 menunjukkan proses pembiayaan pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah dilaksanakan. Penglibatan kaedah pembiayaan *musyarakah* dengan mengaplikasikan dua mekanisme kewangan iaitu *ijarah* dan *tawarruq* dilihat dapat melahirkan satu bentuk pembangunan yang lestari kerana pemilikan hartanah tersebut masih dapat dikekalkan sebagai hartanah wakaf. Manfaatnya dapat digunakan secara berterusan iaitu selama 99 tahun. Namun, bagi melestarikan lagi bangunan tersebut MAINPP perlu merancang strategi agar generasi seterusnya dapat menikmati manfaat tersebut bukan hanya untuk tempoh 99 tahun malah lebih daripada tempoh tersebut misalnya 198 tahun. Generasi seterusnya sama ada pewaris atau penerima manfaat yang lain juga perlu memahami serta mematuhi peraturan dan perjanjian sebagaimana yang telah ditetapkan agar tidak berlaku sebarang pindah milik dan juga kesalahfahaman terhadap hak dan pemilikan hartanah wakaf tersebut.

Berdasarkan kepada contoh pembiayaan pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah di atas, model pelaksanaan tersebut dilihat dapat dijadikan sebagai satu contoh model dalam

jual kepada pembeli. Pembeli bersetuju untuk membeli dan menjual semula di Bursa Malaysia bagi mendapatkan tunai. Tunai yang diperoleh dibayar kepada Bank Islam Berhad. Kemudian, pihak bank akan membayar kepada tuan punya tanah iaitu pemaju (Surita Hartini Mat Hassan & Zakaria Bahari, 2017).

pengaplikasian pembiayaan *ijarah* dalam konteks kelestarian STS di Malaysia. Justeru itu, dalam usaha ini, pengkaji melihat proses pelaksanaan wakaf dan *Ijarah* dalam kelestarian STS dapat dilakukan dengan melibatkan usaha sama pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan bidang kuasa MAIN sebagai pemegang amanah wakaf di Malaysia.

Dalam konteks ini, pengaplikasian wakaf dan *ijarah* akan melibatkan pemodal memberi pembiayaan kepada pengelola STS (Nazir) untuk memajukan tanah wakaf dan setelah selesai akad, pemodal akan memindahkan pemilikan bangunan kepada Nazir. Kaedah ini dilihat selari dengan usaha untuk membangunkan tanah wakaf atas dasar sebuah institusi wakaf dibolehkan membuat perjanjian menyewa tanah wakaf kepada pihak lain pada kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi memastikan kelestarian tanah wakaf itu dapat dimanfaatkan (Siti Nadiah Mohd Ali et al., 2016). Menerusi pelaksanaan ini, pemilikan aset tersebut kekal bersama dengan pemberi sewa. Hasil daripada sewaan ini akan digunakan untuk membayar keuntungan kepada pelabur sehingga tamat tempoh yang ditetapkan. Makanya, dengan usaha yang melibatkan pembiayaan pembangunan tanah wakaf melalui alternatif *ijarah* dapat memastikan konsep pengembangan harta wakaf boleh diadaptasikan kepada pengelola STS di Malaysia melalui aset wakaf yang sedia ada sekaligus dengan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan dalam pelbagai aspek seterusnya dapat memastikan kelestarian STS di Malaysia lebih terjamin.

KESIMPULAN

Al-Quran adalah kitab kalam Allah SWT yang dijamin akan terpelihara sepanjang zaman. Justeru, penghafal kitab suci ini akan sentiasa wujud dalam menjamin keaslian kitab ini. Rentetan itu, tertubuhnya institusi Tahfiz yang bermula di peringkat rendah sehinggalah peringkat pengajian tinggi. Permintaan dan minat yang memberangsangkan oleh masyarakat menjadikan institusi Tahfiz Kerajaan tidak mencukupi untuk menampung permintaan. Maka tidak hairanlah, jumlah STS semakin meningkat setiap tahun dengan pertambahan jumlah pelajar dan guru.

Kebanyakan STS ini didirikan di atas dana wakaf. Walau bagaimanapun, harta wakaf tersebut sangat kurang untuk dikembangkan hasilnya untuk dimanfaatkan. Justeru, instrumen *ijarah* dikenalpasti boleh diaplikasikan untuk mendapat manfaat dana bagi kelestarian STS di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah skim geran FRGS (FRGS/1/2019/SS103/UITM/02/1, di bawah projek “*Pembinaan Model Integrasi Wakaf Dan Ijarah Dalam Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta Di Malaysia*”.

RUJUKAN

- ‘Ainul Fathiyah Abdul Rahim et.al. & Mohamad Zaini Abu Bakar (2015). “Globalisasi Dan Cabaran Sekolah Pondok di Malaysia”, dlm. Ilmu, Tradisi dan Kelestarian Dalam Kearifan Tempatan, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Khafidz Soroni, Noorhafizah Mohd Haridi, Zainora Daud, Azmil Hashim & Wan Sabariah Wan Yusoff (2010). Pengurusan institusi tahfiz

- persendirian di negeri Selangor (Laporan Penyelidikan). Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Kajang, Selangor.
- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad & Idris Ismail (2003). Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz (Laporan Penyelidikan). Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Skudai, Johor Bahru.
- Anita, Fitriana (2015). Model Pembangunan Wakaf Produktif di Pondok Pesanten Walisongo Ngabar Ponorogo, Undergraduate thesis, STAIN Ponorogo.
- Belanjawan 2020, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Farah Ilyani Zakaria et. Al (2018), Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Di Institusi Tahfiz Swasta, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(1) (2018): 141-148.
- Farahdina Fazial (2019). Kelestarian Mekanisme Pembiayaan Pembangunan Wakaf Institusi Pondok di Negeri Kedah, Tesis Phd, Universiti Sains Malaysia.
- Farahdina Fazial (2015). Penjanaan Pembiayaan Pembangunan Lestari Pondok An-Nahdhoh (PAN), Kubang Semang, Pulau Pinang Melalui Instrumen Wakaf, Disertasi, Universiti Sains Malaysia.
- Hasan Asy' Ari (2016). Pengelolaan dan Pengembangan Wakaf Produktif di Yayasan Pondok Pasantren Miftahul Umum al-Yasani, Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Abd Rahman (2012). Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aishah. *International Journal of Management Studies* 9 (2), hlm. 103–123 (2012).
- Khairunisa Md Nordin, Maheran Katan, Hamidah Bani, Abd Halim Mohd Noor, & Mohd Yassir Jaaffar. (2017). Differences in ownership structure and management practices among tahfiz institutions in Malaysia. In 5 th Southeast Asia International Islamic Philanthropy Conference (pp. 67–74).
- Khalil, I. A., Ali, Y., & Shaiban, M. (2014). Waqf fund management in Kuwait and Egypt: Can Malaysia learn from their experiences. In *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* (pp. 69–83).
- Noor Hisham Md Nawawi et.al (2014). Matlamat Dan Halatuj System Pengjian Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal.
- Muriyah Abdullah & Mohd Faez Ilias (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Suatu Sorotan, *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship*, Langkawi, Kedah.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed & Aslam Farah Selamat (2018). Isu dalam pendidikan tahfiz: satu analisis. Presented at E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Kajang, Selangor.
- Razali Othman (2013). Penggunaan Wang Dalam Wakaf Tunai: Satu Analisis dari Perspektif Wang Fiat. Kertas kerja dibentangkan di Workshop Antarabangsa Pembangunan Islam (WAPI 6), anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan

- kerjasama Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), di UMSU, Medan pada 22 April 2013.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah (2018). Kaedah Pembiayaan Pembangunan Tanah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Terpilih di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Mashitoh Mahamood & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy (2018). “Wakaf Institusi Pendidikan” dalam. Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan, Putrajaya: JAWHAR.
- Solahuddin Ismail (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Presented at Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran, Bangi, Selangor.
- Surita Hartini Mat Hassan (2018). Kelestarian Pembangunan Harta Wakaf: Analisis Terhadap Perumahan Wakaf Di Pulau Pinang. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Nadiyah Mohd Ali, Abd Halim Mohd Noor, Nor Nazihah bt Chuweni, Nor Rashidah Paujah Ismail, Farhan Md Dahlan, Mohd Saifol Amri Shari (2016), Integrating Awqaf and Zakat: A Case Study of Land Development for the Poor in State Islamic Religious Councils Terengganu, Malaysia, Contemporary issues and development in the global halal industry, Springer, Singapore.
- Statistik 2019 Kelas al-Quran&Fardu Ain dan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan, Putrajaya: JAKIM.
- Tatiana A. Denisova. (2011). Refleksi Historiografi Alam Melayu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Ali Wan Mamat. (2006). Sejarah Dan Pertumbuhan Skrip Jawi, dlm. Tulisan Jawi Sehimpunan Kajian, Shah Alam: UPENA.
- Zakaria Bahari & Fakhruddin Abd. Rahman (2012). Modes and Risk of Financing for Waqf Development: The case of Seetee Aisyah waqf in Penang, Malaysia. Siri Kertas ISDEV, No. 37. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM.